




Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Reid.



Ahli Jawatankuasa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Oleh Nurzuliana Kamaruzaman

Perlembagaan merupakan sebuah dokumen penting yang mengandungi susunan peraturan dan undang-undang dasar bagi pemerintahan dan pentadbiran sesebuah negara. Antara perkara yang terkandung dalam perlembagaan ialah Parlimen, Kabinet, tugas Yang di-Pertuan Agong, kuasa kerajaan persekutuan dan kuasa kerajaan negeri. Perlembagaan Malaysia yang sebelumnya dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah diperkenalkan pada 31 Ogos 1957. Manakala, pada 16 September 1963, perlembagaan ini diperkenalkan sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Asas kepada pembentukan perlembagaan Malaysia adalah berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan 1957.

Perlembagaan Malaysia merupakan undang-undang tertinggi negara yang menjadi rujukan kepada undang-undang yang lainnya. Mengandungi 183 perkara, Perlembagaan Malaysia dirangka melalui sebuah suruhanjaya yang diberi nama Suruhanjaya Reid. Pada

8 Mac 1956, kerajaan British dengan persetujuan bersama Majlis Raja-raja Melayu telah mengumumkan pembentukan suruhanjaya bebas ini untuk mengkaji bentuk perlembagaan Tanah Melayu. Bertanggungjawab dalam menggubal perlembagaan Tanah Melayu berdasarkan demokrasi berparlimen, suruhanjaya ini telah mengadakan mesyuarat dwidewan dalam usaha mereka merangka dan membentuk sebuah kerajaan persekutuan yang kuat. Dipengerusikan oleh Lord Reid, dan dianggotai oleh empat orang ahli yang terdiri daripada Ivor Jennings, Sir William McKell, B. Malik dan Hakim Abdul Hamid, suruhanjaya ini bertanggungjawab dalam menjamin kedudukan dan darjat Raja-raja Melayu sebagai raja berperlembagaan di negeri masing-masing. Selain itu, suruhanjaya ini juga bertanggungjawab dalam menjamin kedudukan istimewa kaum Melayu dan hak-hak yang sah bagi kaum-kaum lain.

Semasa proses pembentukan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, sebanyak 131 memorandum daripada pelbagai pihak telah diterima oleh suruhanjaya



Merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Ahli Jawatankuasa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (wakil kerajaan British).

ini. Memorandum tersebut hadir dari pelbagai sumber termasuklah daripada Raja-raja Melayu, orang perseorangan dan parti-parti politik. Hasil daripada kajian yang dijalankan melalui memorandum – memorandum yang diterima, sebuah Penyata Suruhanjaya Reid diterbitkan pada 21 Februari 1957. Terdapat 100 perkara yang disentuh melalui penyata ini. Antaranya termasuklah mengenai pembentukan Parlimen, perantaraan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara dan Timbalannya, kuasa-kuasa Parlimen, kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong, kedudukan dan kuasa Raja-raja Melayu, perantaraan Perdana Menteri, hal-hal kerakyatan, hak-hak asasi rakyat, hak-hak istimewa orang Melayu, pilihan raya, bahasa dan agama rasmi negara dan lain-lain.

Penyata ini kemudian disemak dan diberikan pertimbangan awal oleh sebuah jawatankuasa kerja

yang terdiri daripada 11 orang ahli. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Sir Donald MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi dianggotai oleh empat orang wakil Raja-raja Melayu, empat orang wakil kerajaan Perikatan, Ketua Setiausaha dan Peguam Negara. Laporan daripada penyata tersebut telah diteliti dan dikaji pada Mac 1957. Manakala, syor-syor hasil penelitian telah dikeluarkan pada 1 Mei 1957. Laporan ini kemudiannya dikemukakan untuk pertimbangan Majlis Raja-raja dan dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan untuk dibahaskan. Bagi isu-isu yang tidak dapat diselesaikan oleh Majlis Perundangan Persekutuan akan dibawa ke London untuk rundingan semula bersama Wakil-wakil Kerajaan Perikatan, Wakil-wakil Raja-raja Melayu dan Pejabat Tanah Jajahan di London.

Pada 10 Mei 1957, YTM Tunku Abdul Rahman Al-Haj mengetuai rombongan ke London untuk mengadakan rundingan bersama pihak British mengenai kemerdekaan



Rombongan Merdeka ke London.

PERISTIWA BERSEJARAH BULAN SEPTEMBER



8 September

Kerajaan telah mengumumkan "Perisytiharan Pengampunan Beramai-ramai" kepada pengganaspengganas komunis di seluruh Persekutuan Tanah Melayu.

1955



26 September

Negeri Selangor telah mengadakan pilihanraya yang pertama bagi memilih Ahli-ahli Majlis Negeri bagi tiga kawasan iaitu Sabak Bernam, Kelang Utara dan Kuala Lumpur Barat.

1955



27 September

Maktab Latihan Tentera telah ditubuhkan dengan rasminya di Port Dickson, Negeri Sembilan.

1955



10 September

Mesyuarat pertama kabinet pada hari ini merupakan detik bersejarah dalam usaha pemimpin-pemimpin negara menerajui pemerintahan berkerajaan sendiri.

1957



28 September


Majlis Agama Islam Negeri Melaka telah dibuka dengan rasminya oleh Dato' Haji Abdul Malik bin Yusuf, Gabenor Negeri Melaka.

1960

Tanah Melayu dan isu-isu berbangkit berkenaan pembentukan perlembagaan Tanah Melayu. Hasil mesyuarat tersebut beberapa persetujuan telah dicapai, antaranya termasuklah kertas putih pindaan mengenai Penyata Reid telah dikeluarkan. Selain itu, bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa kebangsaan. Malah, Yang di-Pertuan Agong turut telah dipertanggungjawabkan oleh Perlembagaan dalam menjaga kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan juga hak-hak kaum yang lain. Kertas Putih tersebut telah dibentangkan dan diluluskan sebulat suara di Perhimpunan Agung UMNO pada 29 hingga 30 Jun 1957. Manakala, Rang Undang-undang tersebut kemudiannya dibawa ke Majlis Perundangan Persekutuan pada 10 Jun 1957 dan dibentangkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Ketua Menteri Persekutuan

Tanah Melayu. Pada 27 Ogos 1957, Majlis Perundangan Persekutuan telah meluluskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka.

Setelah 60 tahun Malaysia mengecapi kemerdekaan, perlembagaan yang digubal telah membawa negara ke arah yang lebih sejahtera. Masyarakat berbilang kaum hidup dengan aman dan harmoni. Perlembagaan berperanan dalam melindungi kepentingan semua kaum serta menjamin keadilan sosial antara kaum. Secara tidak langsung perlembagaan mampu membentuk perpaduan nasional dan pembangunan negara. Di samping itu, perlembagaan juga mampu menentukan hak asasi rakyat seperti kebebasan dalam menyuarakan pendapat, kebebasan beragama dan pemilikan harta. ds



Tandatangan ahli Jawatankuasa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam Laporan Persidangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



19 September

DYMM Sultan Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah, Sultan Perak berkenan merasmikan projek Hidro Elektrik Temenggor ketika dalam siri lawatan ke Daerah Hulu Perak sempena perayaan ulang tahun keputeraan baginda yang ke-55.

1979



5 September

YAB Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan atau "My Kad" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

2001



15 September

YB Dato' Seri Ong Ka Ting, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, merasmikan pelancaran program menanam pokok bunga raya sempena menyambut Bulan Kemerdekaan ke-48 di Taman Botani, Putrajaya.

2005



12 September

Malaysia mencipta dua sejarah besar dalam Kejohanan Berbasikal Asia (ACC) di Velodrom Kuala Lumpur, Cheras apabila merangkul tiga pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa selain menamatkan kemarau emas dalam tempoh 19 tahun bagi kategori senior pada kejohanan ini.

2006



2 September

DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah, berkenan menerima pingat kebesaran Thailand daripada Putera Mahkota Thailand, Putera Maha Vajiralongkorn dalam istiadat pengurniaan pingat di Istana Klai Kangwon, Thailand.

2013